

17/03/2000

Raja Melayu boleh bantu menyatukan umat Islam

JITRA, Khamis - Raja-Raja Melayu boleh membantu menyatupadukan umat Islam yang berpecah akibat perbezaan fahaman politik menerusi majlis agama Islam negeri serta Majlis Fatwa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun tanggungjawab mereka terhad kepada perkara berkaitan agama dan tidak boleh campur tangan dalam urusan politik, Raja-Raja Melayu masih ada peranan menyatukan semula umat Islam.

Katanya, Raja-Raja Melayu menyedari mengenai perkara itu tetapi mungkin mereka tidak mahu membincangkannya kerana bimbang ia disalah tafsir sebagai mencampuri urusan politik.

"Ada peranan yang boleh mereka mainkan tetapi tanggungjawab mereka mengenai agama dan tidak campur tangan perkara politik.

"Saya tidak tahu ... saya cuma meneka, tetapi saya fikir mereka ada peranan untuk dimainkan," katanya.

Ditanya lanjut mengenai peranan yang boleh dilakukan Raja-Raja Melayu, Dr Mahathir berkata: "Mereka boleh memainkan peranan melalui Majlis Agama dan Majlis Fatwa."

Beliau berkata demikian di rumah terbuka Aidiladha di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai peranan Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama Islam negara dan negeri dalam usaha mengatasi masalah perpecahan akibat perbezaan fahaman politik.

Dalam perutusan sempena Aidiladha semalam, beliau antara lain mengajak umat Islam supaya mengatasi perbezaan politik dan memupuk semula persaudaraan Islam sesama ummah sesuai dengan musim haji ini.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada Raja-Raja Melayu perlu turun padang bagi membantu mengatasi masalah perpecahan umat Islam.

Perdana Menteri berkata: "Kita tidak tahu bagaimana ia boleh dilakukan, tetapi kita tidak mahu Raja-Raja terbabit dalam politik.

"Sekarang pun ada ahli politik mendakwa jika raja-raja bertanding menentang mereka dalam pilihan raya, raja-raja akan tewas."

Perdana Menteri menjelaskan, perpecahan umat Islam masih berterusan walaupun selepas pilihan raya umum lalu dengan pelbagai kegiatan diadakan, termasuk ceramah dan fitnah terhadap kerajaan dan pemimpinnya.

"Banyak lagi fitnah dilempar dan masjid digunakan untuk tujuan politik. Di Terengganu, masjid dibasuh kononnya kotor kerana dulu masjid Umno. Konon kena samak dulu sebelum diguna.

"Saya juga dengar patung penyu sudah dihancurkan kerana bertentangan dengan Islam. Tetapi 10 tahun Pas perintah Kelantan, patung rusa tak dihancurkan, tetapi bila penyu hancur, patung rusa juga hancur.

"Saya fikir gambar juga patut dihancurkan kerana sebelum ini gambar juga ditegah. Jadi, sepatutnya tidak ada gambar bagi Pas," katanya.

(END)